

D220

U B991 AAB
MAHATHIR - PBS/USNO

KOTA KINABALU, 13 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PARTI BERSATU SABAH (PBS) DAN USNO TELAH BERIKRAR UNTUK SALING MEMBANTU DALAM PILIHAN RAYA 20 DAN 21 OKT INI BAGI MENJAMIN KEMENANGAN CALON-CALON BARISAN NASIONAL DI SABAH.

PERSETUJUAN ITU DICAPAI SETELAH KEDUA-DUA PARTI BERMESYUARAT DENGAN BELIAU DI SINI PETANG INI, KATA PERDANA MENTERI PADA PERSIDANGAN AKHBAR SEBELUM BERLEPAS KE LABUAN.

DALAM PERTEMUAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN TELAH MENJELASKAN KEPADA KEDUA-DUA PEMIMPIN PBS DAN USNO BETAPA PENTINGNYA MEMELIHARA PERPADUAN DALAM BN MENGHADAPI PILIHAN RAYA DI NEGERI INI YANG HANYA MEMBABITKAN KERUSI-KERUSI PARLIMEN.

+SAYA TELAH MENEGASKAN BETAPA PERLUNYA KEDUA-DUA PARTI KOMPONEN BN ITU MENGETEPIKAN SEGALA KEPENTINGAN PARTI MASING-MASING DAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA BN,+ KATA BELIAU, SAMBIL MEMINTA AKUAN DARIPADA PRESIDEN PBS, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN DAN PRESIDEN USNO, TUN DATU HAJI MUSTAPHA HARUN YANG MENGAPIT PERDANA MENTERI. --

LAGI

1800MST 13 10 90

D222

U B993 AAB
MAHATHIR - PBS/USNO 2 KOTA KINABALU

KATANYA, KEDUA-DUA PARTI ITU BERSETUJU UNTUK MEMECAT AHLI MASING-MASING YANG BERTANDING SEBAGAI CALON BEBAS MENENTANG CALON BN DI NEGERI INI.

+CALON-CALON BEBAS YANG BERTANDING DI NEGERI INI TIDAK ADA KAITAN APA-APA PUN DENGAN PBS ATAU USNO DAN JAMINAN INI TELAH DIKEMUKAKAN KEPADA SAYA OLEH KEDUA-DUA PRESIDEN KOMPONEN BN ITU YANG JUGA MEMINTA SAYA MENGUMUMKANNYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU PUAS HATI DENGAN HASIL LAWATANNYA ITU DAN YAKIN CALON-CALON BN AKAN MENCAPAI KEMENANGAN.

MENJAWAB PERTANYAAN PEMBERITA MENGENAI TUNTUTAN KERAJAAN NEGERI SABAH SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM MANIFESTO PBS PADA PILIHAN RAYA NEGERI JULAI LEPAS, BELIAU BERKATA PERSOALAN ITU TIDAK PERLU DIBANGKIT SEKARANG KERANA IA BOLEH DISALAH ERTIKAN SEBAGAI SOGOKAN.

+KITA TIDAK BERCADANG MEMBELI UNDI,+ KATANYA. -- LAGI
1804MST 13 10 90

D239

R B998 AAB
MAHATHIR - PBS/USNO 3 KOTA KINABALU

PERDANA MENTERI JUGA YAKIN BAHAWA BN AKAN DAPAT MENUBUHKAN KERAJAAN DENGAN HANYA KEMENANGAN DI SEMENANJUNG. +TETAPI KEMENANGAN DI SABAH DAN SARAWAK JUGA PERLU KERANA MATLAMAT BN IALAH KEMENANGAN DUA PERTIGA,+ KATANYA.

DITANYA MENGENAI MANIFESTO +GAGASAN RAKYAT+ YANG MENJANJIKAN HENDAK +MENGEMBALIKAN+ HAK-HAK SABAH DAN SARAWAK, TERMASUK MENAIKKAN KADAR ROYALTI MINYAK DAN PEMULANGAN LABUAN KEPADA SABAH, BELIAU BERKATA, +ANEHNYA INI BARU DITIMBULKAN MENJELANG PILIHAN RAYA.+

PERDANA MENTERI AKAN MENGADAKAN MESYUARAT DENGAN PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN DI LABUAN MALAM INI DAN BERUCAP DI PERHIMPUNAN RAKYAT DI DEWAN MASYARAKAT LABUAN.

BELIAU JUGA DIJADUALKAN UNTUK MERASMIKAN PUBLIC BANK (L) LTD BERHAD DAN PUBLIC BANK TRUST CO. SDN BHD DI WISMA OCEANIC LABUAN ESOK. -- BERNAMA
1833MST 13 10 90